

# Berita **BANDARAYA**

Layari Berita Bandaraya di [www.dbkl.gov.my](http://www.dbkl.gov.my)  
Bil.7 Julai 2007/Jamadilakhir - Rejab 1428H

Kuala Lumpur City News

ISSN 1675-1876 Naskhah Percuma

D E W A N   B A N D A R A Y A   K U A L A   L U M P U R

## PAMERAN HARTANAH BUMIPUTERA



Y.Bhg. Datuk Bandar Kuala Lumpur ketika Majlis Perasmian Pameran Hartanah Bumiputera di Pusat Pameran Mid Valley - Gambar Berita Bandaraya

Pameran yang merupakan kali kedua dilaksanakan oleh pihak DBKL dengan kerjasama pemaju harta tanah ini telah diadakan di pada 15 sehingga 17 Jun 2007 bertempat di Pusat Pameran Mid Valley (*Mid Valley Exhibition Centre*). Ini merupakan salah satu langkah proaktif Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) bagi membantu dan menyediakan ruang untuk pemaju-pemaju mempromosi dan menyebarkan maklumat di bawah satu bumbung mengenai unit-unit kuota bumiputera yang masih terdapat dalam pasaran.

Melalui pameran ini, orang ramai berpeluang mendapatkan maklumat bagi mereka membuat pilihan sama ada untuk tujuan pelaburan atau mencari tempat kediaman yang sesuai di sekitar Kuala Lumpur. Selain itu, para pengunjung juga turut didekahkan dengan informasi

terkini daripada aspek pelan induk pembangunan di sekitar Kuala Lumpur yang membantu para pengunjung membuat pilihan yang sesuai untuk pelaburan harta tanah.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan dan Kumpulan Simpanan Pekerja turut menyediakan kemudahan di pameran tersebut yang mana membolehkan orang ramai mengetahui secara *online* maklumat yang berkaitan dengan pembelian rumah. Kakitangan kerajaan juga boleh menyemak kelayakan

pinjaman dari Bahagian Perumahan Kementerian Kewangan yang turut serta di dalam pameran ini.

Selain program pameran ini, DBKL juga sering kali mengambil bahagian di dalam pameran-pameran harta tanah lain yang diadakan daripada masa ke semasa. Salah satu daripadanya ialah melalui pusat pameran kekal di bangunan DBKL Bandar Wawasan. DBKL juga turut membuka kaunter di pasar-pasar tani mega dan semasa Hari Bertemu Pelanggan seperti yang telah diadakan baru-baru ini di Titiwangsa. Maklumat mengenai pameran-pameran ini juga diedarkan ke jabatan-jabatan kerajaan dan agensinya serta badan-badan atau pertubuhan yang berkepentingan bumiputera di samping mempromosikannya melalui media cetak dan media penyiaran.

# DARI MEJA DATUK BANDAR



Sudah menjadi kelaziman setiap tahun pada bulan Julai, pasti pelbagai aktiviti kebudayaan berlangsung di mana Kuala Lumpur sering kali menjadi hos kepada pelbagai aktiviti aktiviti kebudayaan negara.

Sejajar dengan Tahun Melawat Malaysia pada tahun ini, lebih banyak aktiviti yang diadakan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) untuk menarik minat para pelancong asing.

Selain sibuk mengatur perancangan untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti kebudayaan, DBKL juga sibuk mempersiapkan Kuala Lumpur untuk dengan Sambutan Jubli Emas Hari Kemerdekaan Malaysia ke 50 pada bulan hadapan di mana sambutan pada tahun ini akan diraikan di Kuala Lumpur. Sambutan pada tahun ini akan dibuat secara besar-besaran, lebih meriah dan ceria daripada sambutan-sambutan yang diadakan pada tahun-tahun lalu.

Memandangkan tahun ini sambutan Hari Kemerdekaan akan dilakukan di Kuala Lumpur, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) memohon kepada semua warga kota agar menghias dan memasang serta mengibarkan Bendera Jalur Gemilang di bangunan dan kawasan masing-masing. DBKL turut mengharapkan agar warga kota dapat sama-sama memperindahkan bangunan dan kawasan masing-masing mulai 16 Ogos 2007 sehingga 10 September 2007.

Terdapat lebih kurang 374 bangunan-bangunan tinggi di seluruh Bandar Raya Kuala Lumpur seperti

Menara Kuala Lumpur, Menara Berkembar Petronas, Menara Tabung Haji, Menara Maybank, Menara Telekom dan hotel-hotel lima bintang. Jumlah itu tadi adalah tidak termasuk bangunan-bangunan lain seperti bangunan pejabat, rumah kedai, kondominium dan rumah pangsa. Jika semua pemilik bangunan mengibarkan Bendera Jalur Gemilang di kawasan mereka, pasti kemeriahan suasana sambutan kemerdekaan di Kuala Lumpur dapat dilihat dan dirasai oleh semua.

Selain mengibarkan Bendera Jalur Gemilang di kawasan-kawasan sekitar Bandar Raya Kuala Lumpur, saya juga ingin meminta kepada pemilik-pemilik agar mengindahkan bangunan-bangunan pada waktu malam dengan menerangkan bangunan dan juga memasang lampu limpah yang berwarna-warni bagi menceriakan lagi Bandar Raya Kuala Lumpur pada waktu malam. Pemilik-pemilik bangunan dipohon agar menerangi bangunan masing-masing mulai 16 Ogos 2007 sehingga 10 September 2007 pada pukul 7.00 malam sehingga 12.00 malam.

Saya turut juga menyeru kepada seluruh warga kota Kuala Lumpur agar sama-sama berusaha mengindahkan kawasan-premis masing-masing. Sekiranya semua warga kota menitikberatkan keindahan kawasan masing-masing serta mengindahkan Bandar Raya Kuala Lumpur sambutan pada kali ini akan menjadi lebih ceria dan meriah. Sempena sambutan Kemerdekaan kita yang Ke-50 ini, saya berharap agar semua warga kota berganding bahu dalam sama-sama mengindahkan Kuala Lumpur.

## 'MALAYSIAKU GEMILANG'

### Pandangan

Berita Bandaraya akan menjadi sumber informasi mengenai perkhidmatan dan aktiviti-aktiviti DBKL khususnya kepada warga kota dan orang ramai amnya. Pandangan anda mengenai perkhidmatan DBKL hendaklah dialamatkan kepada: **Sidang Redaksi Berita Bandaraya, Unit Hal Ehwal Awam & Antarabangsa, Tingkat 5 Bangunan DBKL, Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur.** e-mel: akhbar@dbkl.gov.my Tel: 03-2617 9803 Faks: 03-2694 1373. Sila nyatakan nama, jawatan, agensi, alamat surat-menyerat, nombor telefon, faksimili dan alamat e-mel semasa menghantar pandangan anda. Terima kasih.

### Sidang Redaksi

**Penasihat:** Y. Bhg. Dato' Ab. Hakim Bin Borhan  
**Ketua Editor:** Y.Bhg. Datuk Hj Salleh Bin Yusup  
**Editor:** Mohd Sidek Bin Khalid  
**Sub-Editor:** Nur Diana Bt Md Ghazali  
**Jurufoto:** Abd. Rhani Bin Md. Shohor  
Md Ismail Bin Isnin

# LOGO KEMERDEKAAN KE-50 TAHUN



## *Malaysiaku Gemilang*

Sempena menjelang 50 tahun kemerdekaan Negara Malaysia, satu logo khas telah direka di mana ianya mempunyai makna yang tersendiri.

Rekabentuk logo ini diilhamkan daripada Bendera Malaysia - Jata Gemilang yang sedang berkibar di mana ianya melambangkan semangat keadaan rakyat pada negara.

- Jaluran **MERAH** dan **PUTIH** dibuat berulang membentuk angka lima manakala bentuk bulan dan bintang dijadikan angka kosong yang mewujudkan menjadikannya sebagai angka 50. Hal ini menjadikan tonggak utama logo ini sempena ulang tahun kemerdekaan negara yang ke-50.
- Bentuk dasar logo adalah bulat yang sedikit condong ke kanan. Bentuk dinamik ini memberi maksud kepesatan kemajuan yang telah dialami oleh Malaysia semenjak 50 tahun mencapai kemerdekaan. Bentuk bulat ini juga membawa maksud bahawa rakyat Malaysia yang berbilang kaum bersatu dalam mencapai nikmat dan kemajuan sepanjang 50 tahun kemerdekaan.
- Warna **MERAH** dan **PUTIH** melambangkan keseluruhan rakyat Malaysia.
- Warna **BIRU** bermaksud perpaduan yang dijalankan oleh rakyat Malaysia.
- Manakala **KUNING** melambangkan ketua negara, Yang di-Pertuan Agong dan warna ini juga bermaksud kegemilangan yang dikecapi semenjak 50 tahun usia kemerdekaan Malaysia.
- Bahagian di hujung angka **5** ini terus disambungkan pada stigma bunga raya yang merupakan bunga kebangsaan Malaysia. Lima titik pada stigma itu pula melambangkan lima prinsip Rukun Negara yang dijadikan sebagai amalan setiap rakyat Malaysia.

### Talian Kecemasan:

Unit Hal Ehwal Awam & Antarabangsa - Aduan Awam (8 pagi sehingga 5 petang)	- 03-2617 9925
Tol Bebas Telekaunseling (24 jam)	- 1800 882 600
Direktorat Penguatkuasaan (24 jam)	- 03-4022 0033 / 4024 4424
Skuad Penyelamat (24 jam)	- 03-4023 1033 / 4023 1133
Unit Kecemasan (24 jam)	- 03-9284 3636 / 3434 / 3433

### Rakan Cop

Negeri	Hotline
Kuala Lumpur	03-2115 9999
Selangor	03-2052 9999
Perlis	04-971 1999
Kedah	04-739 2999
Pulau Pinang	04-269 1999
Perak	05-240 1999
Melaka	06-285 1999
Johor	07-221 2999
Terengganu	09-635 4999
Kelantan	09-745 0999
Pahang	09-515 1999
Sabah	088-318 555
Sarawak	082-240 800